

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN V. SIVAKUMAR [ BATU GAJAH ]**  
**TARIKH : 10.6.2014**  
**NO. SOALAN :**

**Tuan V. Sivakumar [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian membelanjakan RM560 juta yang diperuntukkan untuk pembangunan dan kemajuan sekolah-sekolah Tamil. Berikan maklumat terperinci mengenai pengagihan peruntukan ini dari tahun 2009 hingga 2013 mengikut sekolah dan jumlah yang disalurkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kaedah penyaluran peruntukan untuk setiap aliran sekolah dalam RMKe-9 mahupun RMKe-10 adalah berdasarkan kepada keperluan dan keutamaan pembaikan kritikal serta bilangan projek-projek sekolah. Walaupun peruntukan ini disalurkan mengikut aliran sekolah, namun terdapat sebilangan Sekolah Jenis Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dikategorikan sebagai Sekolah Kerajaan. Justeru, peruntukan bagi sekolah-sekolah turut disalurkan melalui peruntukan kepada Sekolah Kebangsaan (SK). Bagi SJKT yang bukan dikategorikan sebagai Sekolah Kerajaan pula, diberikan peruntukan khas di bawah butiran Bantuan Modal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak pernah mengamalkan diskriminasi dalam memberi peruntukan untuk projek-projek membaik pulih bangunan-bangunan sekolah yang daif. Ini terbukti di bawah Pakej Ransangan

Khas 2012 dan 2013, Kementerian telah memberi peruntukan sebanyak RM 100 juta untuk SJKT. Manakala bagi tahun 2014 pula, SJKT telah diperuntukkan sebanyak RM 50 juta.

b) Pengagihan mengikut jenis peruntukan bagi tahun 2009-2013 ialah berikut:

Jenis Peruntukan	2009 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pembangunan (DE)	0	40 juta	44 juta	4.35 juta	3.2 juta
PRE I & II	50 juta	50 juta	0	0	0
Pakej Rangsangan Khas (PRK)	0	0	0	100 juta	100 juta
Jumlah	50 juta	90 juta	44 juta	104 juta	103.2 juta